


IQRA'

Bil. 1/2023
JANUARI



Kunjungan Hormat PTAR ke atas Penolong Naib Canselor (Keusahawanan)
PTAR Shah Alam - muka 4



Program Mobile Library (Sesi 1), Kolej Pengajian Kejuruteraan
PKEJ - muka 7



Hari Terbuka PTAR UiTM Cawangan Melaka
PTAR Kampus Alor Gajah - muka 11



Program SharingRizq@Library UiTM Cawangan Terengganu
PTA Kampus Dungun - muka 18



Bengkel "Refresh Your Skills@PTA"
PTAR Kampus Machang - muka 26

PROMOSI@PTAR



LIBRARY TOUR PELAJAR DARI KOLEJ VOKASIONAL PERDAGANGAN JOHOR BAHRU KE PTAR

5 JANUARI 2023

Disediakan oleh: Hazlin Ibrahim Khan

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS ALOR GAJAH, MELAKA



5 Januari 2023, Khamis, – PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah telah menerima lawatan dari pelajar Diploma Kesetiausahaan Pentadbiran, Kolej Vokasional Perdagangan Johor Bahru. Seramai 39 orang pelajar dan 9 orang pengajar telah terlibat dalam lawatan ini. Pelajar telah dibawa melawat ke ruangan Kaunter Utama PTAR, Unit Penyelidikan, Pembelajaran & Rujukan, Aras 1, Ruang Santai Point dan Unit IT yang diiringi oleh Puan Maznah Maarof, Pustakawan Kanan, Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pustakawan Kanan, dibantu oleh Puan Roslinah Harun, Pembantu Pustakawan Kanan dan Cik Nur Atikah Mauzan, Pembantu Pustakawan, PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah.

Terima kasih diatas kesudian pengajar bersama pelajar membuat lawatan ke PTAR UiTM. Semoga dengan adanya lawatan akademik ini dapat memenuhi objektif lawatan yang telah dijadualkan serta memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan yang terdapat dalam perpustakaan UiTM di peringkat luar dan lebih tinggi.

